

D319

B B552 AAB

PILIHANRAYA - MAHATHIR

1985
KOTA KINABALU, 3 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN SETIAP RAKYAT BEBAS MENYOAL DASAR KERAJAAN ATAU BERTINDAK KE ATAS PERKARA-PERKARA YANG KURANG MENYENANGKAN KECUALI SOAL KEDAULATAN NEGARA.

SEBAHAGIAN RANCANGAN DAN DASAR KERAJAAN BOLEH DIUBAH ATAU DIPINDA JIKA SEBAHAGIAN BESAR RAKYAT MENGHENDAKINYA, KATANYA.

+AKAN TETAPI KEWIBAWAAN DAN KEDAULATAN BANGSA MALAYSIA TIDAK DAPAT DIPERSOALKAN LAGI DAN AKAN TERUS DIPERTAHANKAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAKU PENERUSI BARISAN NASIONAL MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSAN DI BUKU MANIFESTO BN-BERJAYA UNTUK PILIHANRAYA NEGERI SABAH 1985.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BERJAYA SEBAGAI WAKIL BARISAN NASIONAL DI SABAH, MEMOHON MANDAT BARU BERASASKAN PENCAPAIANNYA YANG CEMERLANG DALAM BIDANG POLITIK, SOSIAL DAN EKONOMI.

SELAMA SEMBILAN TAHUN MEMERINTAH, BERJAYA TELAH MENCAPAI TAHAP KEMAJUAN POLITIK YANG STABIL, KEMAKMURAN SUKU KAUM, KEADILAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG LEBIH PROGRESIF, KATANYA. --.LAGI..

1641MST 03 04 85

D320

B B553 AAB

PILIHANRAYA - MAHATHIR 2 KOTA KINABALU

BERJAYA MEMPERTAHANKAN KEBEBASAN DAN HAK ASASI RAKYAT SABAH YANG DIJAMIN OLEH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN SEJAK IA MEMPEROLEHI MANDAT DALAM PILIHANRAYA UMUM 1976.

APABILA MANDAT ITU DIPERBAHARUI DALAM PILIHANRAYA UMUM 1981, BERJAYA MENERUSKAN PEMBANGUNAN UNTUK MEWUJUDKAN NEGARA YANG KUAT DAN BERSATU PADU.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKALI LAGI SOKONGAN RAKYAT SABAH DIPERLUKAN UNTUK MEMBOLEHKAN BARISAN NASIONAL MENERUSKAN PEMBANGUNAN DAN KEBEBASAN RAKYAT UNTUK MEMILIH WAKIL MEREKA DARIPADA BERJAYA DALAM PILIHANRAYA KALI INI AKAN MEMPERKUKUHKAN KEWUJUDAN MALAYSIA.

PILIHANRAYA - MAHATHIR 3 KOTA KINABALU

+KINI SUDAH LEBIH 22 TAHUN SABAH MERDEKA MENERUSI MALAYSIA DAN TIDAK SESIAPA PUN MERAGUI BAHAWA SETIAP WARGANEGARA MALAYSIA BEBAS MENYOAL DASAR KERAJAAN ATAU BERTINDAK KE ATAS PERKARA-PERKARA YANG KURANG MENYENANGKAN KECUALI KEDAULATAN NEGARA MALAYSIA,+ KATANYA.

DALAM PERUTUSANNYA PULA PRESIDEN BERJAYA DATUK HARRIS SALLEH MENGAJAK RAKYAT SABAH BERSAMA-SAMA DENGAN PARTI ITU MEMPERTAHANKAN BERTA MEMPERKUATKAN PERPADUAN, KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN YANG SUDAH TERBINA.

DATUK HARRIS YAKIN RAKYAT SABAH AKAN MEMPERTAHANKAN KONSEP MASYARAKAT MAJMUK YANG SEBENAR DAN BELIAU PASTI MEREKA TIDAK MAHU KEMBALI KEPADA ZAMAN POLITIK PERKAUMAN YANG WUJUD DI SABAH SEBELUM 1976.

POLITIK PERKAUMAN PADA MASA ITU MENGAKIBATKAN PERPECAHAN, KETAKSETABILAN, KEBUNTUAN EKONOMI DAN PENCABULAN HAK-HAK KEBEBASAN, KATANYA.

KATANYA BERJAYA DITUBUHKAN UNTUK MEMULIHKAN HAK-HAK ASASI, KEADILAN SOSIAL DAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PARTI ITU MEMENUHI JANJI-JANJINYA KEPADA RAKYAT YANG MEMBERINYA MANDAT BAGI KALI KEDUANYA UNTUK MENTADBIR NEGERI INI DALAM TAHUN 1981.

BAGI PILIHANRAYA UMUM NEGERI KALI INI PADA 20 DAN 21 APRIL, BERJAYA AKAN MENGGUNAKAN LAMBANG DACING KEADILAN IAITU SIMBOL BARISAN NASIONAL. -- BERNAMA.

1650MST 03 04 85